

Etika: Antara

akal dan rasa

CETUSAN MINDA

Oleh PROF. MADYA DR.
MOHD. YUSOF HASSAN



PADA masa ini banyak orang memperkatakan etika dalam berbagai-bagai bidang profesional dan korporat. Dalam lawatan ke Universiti Utara Malaysia

(UUM) baru-baru ini, Perdana Menteri Dr. Mahathir menekankan betapa pentingnya ilmu etika diterapkan dan diamalkan oleh bakal-bakal siswazah.

Justeru itu, UUM telah menawarkan kursus wajib Etika Pengurusan di samping kursus wajib dan Pemikiran Saintifik.

Kedua-dua kursus ini menekankan tentang pentingnya sistem pemikiran dan paradigma etika dalam sebarang program pengurusan, seperti ekonomi, pentadbiran, perakaunan, perniagaan dan teknologi maklumat yang dikendalikan di UUM.

Etika adalah salah satu cabang ilmu falsafah yang menekankan hal-hal moral dan hal-hal nilai dalam gerak laku manusia. Etika boleh juga diertikan sebagai moral iaitu sifat-sifat baik, sifat-sifat benar dan sifat-sifat bermanfaat.

Buku *Right and Wrong: A Brief Guide to Understanding Ethics* yang ditulis oleh Thomas White

memperkatakan banyak ciri untuk memahami etika yang padanya menimbulkan kekeliruan - *mass of confusion*.

Kekeliruan ini timbul kerana kehidupan kita dipenuhi dengan kepercayaan, perasaan, tradisi, adat resam dan ide-ide dari sejak kecil lagi. Kemudian kepercayaan didasarkan kepada emosi dan perasaan salah. Kadang-kadang pula kita melanggar hukum kerana melanggar undang-undang. Lepi itu kita sering mencul mengambil hati orang lain untuk mendapat retu dan ganjaran.

Ide-ide itu kadang-kadang bercanggah. Kita berfikir dengan satu cara dan melakukan dengan cara yang lain pula. Kita berasa salah melakukan sesuatu yang tak betul tetapi bila dibuat selalunya rasa salah itu hilang begitu saja.

Jadi amat sukar kita mencari kebenaran dan kesalahan di dalam kehidupan yang penuh dengan pro dan kontra ini. Sebab itulah etika ini patut difahami, dihayati oleh individu untuk diterangkan kepada orang lain.

Fahaman

Thomas White mencuba untuk menerangkan apa sebenarnya etika pada fahamannya sebagai orang Barat yang berbeza dengan fahaman Timur, apatah lagi dalam kepercayaan keagamaan.

Padanya, etika bermakna satu ilmu yang membuat penilaian terhadap gerak laku manusia - *it evaluates human actions*. Tetapi, etika bukanlah satu-satunya disiplin untuk menilai manusia. Terdapat bidang lain yang juga berbuat demikian.

Undang-undang menilai perbuatan manusia kepada *legal* dan *illegal*. Agama berdasarkan kepada *pahala* dan *dosa*. Ilmu psikologi menilai manusia dengan *normal*, *neurotic* dan *psychotic*. Perubatan menilai dengan konsep *sihat* dan *berpenyakit*. Manakala bidang perniagaan memberi nilai *untung* dan *rugi*.

Etika atau falsafah moral bermula dari zaman Socrates, Plato dan Aristotle dua ribu tahun yang lalu. Ketiga-tiga ahli falsafah Greek ini sering menimbulkan persoalan kehidupan manusia dalam mencari kebenaran, kebijaksanaan, kesejahteraan dan kebaikan.

Etika berasal daripada perkataan *ethos* dan moral berasal dari perkataan *mores* yang kedua-duanya bermakna "watak". Watak yang baik ialah watak

yang beretika yang berhubungan dengan "apa" yang dibuatnya dan "bagaimana" dilakukannya. Dengan perlakuan itu timbulah berbagai-bagai etika, warak, taat setia dan sebagainya. Semua perlakuan itu dapat dilihat dari sudut pandangan etika.

Jawapannya

Dengan itu, etika perlu menggunakan takutan, logik, konsep dan keterangan-keterangan falsafah untuk menganalisis sesuatu isu dan mencari jawapannya. Persoalan falsafah banyak bersifat abstrak atau konseptual. Jadi etika yang paling penting dalam etika ialah peranan akal manusia itu sendiri. Kata Thomas White, *in ethics, what counts most in what you think, not what you feel, but what you think*. Etika

mementingkan akal lebih daripada rasa.

Dalam membuat sesuatu kenyataan, kita perlukan kenyataan pemikiran, bukan kenyataan perasaan - gunakan minda, bukan hati.

Bertindaklah dengan memberi hujah-hujah sendiri, kemudian dengar dengan teliti hujah-hujah orang lain yang tidak bersestuju dengan kita, lepas itu timbangkan kebaikan hujah mereka dan akhirnya berikan maklum balas atau jawapan yang bijaksana.

Falsafah etika adalah menyentuh hal kepentingan awam bukan hal peribadi. Segala alasan, hujah dan keputusan, perlu diberikan kepada orang ramai supaya mereka dapat menerima ataupun menolak keputusan tersebut.